

IORA'

Bil. 8/2022
OGOS



Live@PTAR: Program Sambutan Bulan Kemerdekaan Segmen Bicara Khas; Sumpah Sang Saka Biru Merdeka
PTAR Shah Alam - muka 4



Mural, Makeover, Merdeka!
PTAR Jengka - muka 7



**Lawatan Dari Universitas Muhammadiyah,
Yogyakarta, Indonesia**
PTAR Kampus Bandaraya - muka 12



**Program Jalinan Kasih Kemerdekaan -
Cintai Keluarga Kita**
PTAR Machang - muka 18



Webinar CSR: Ilmu Mengubah Destini Bersama Pengawas Pusat Sumber Sekitar Sekolah Sekitar Negeri Terengganu
PTAR Dungun- muka 20

PROMOSI@PTAR

EMERALD INSIGHT
<http://ezaccess.libsys.uitm.edu.my/login>
Access Via
UITM EzAccess

TEMPAHAN LIBRARY SMART CLASSROOM
Terdapat banyak sumber wawasan iBTM pada perpustakaan dan staf.
Tujuan:
• Inovasi
• Kemajuan
• Diversifikasi
• Mewujudkan
• Serta yang berkaitan dengan teknologi dan teknologi.

Tempahan boleh dibuat melalui iBTM Booking System di <https://ibtm.uitm.edu.my/>



Kata alu-aluan Ketua Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, IQRA' telah berjaya diterbitkan hasil kerjasama antara sidang redaksi IQRA' dan penulis di Perpustakaan UiTM keseluruhannya. Setiap keluaran IQRA' menghimpunkan pelbagai berita yang berlangsung di Perpustakaan UiTM, samada berbentuk program, aktiviti, latihan, lawatan, ceramah, sukan, pencapaian dan khidmat masyarakat.



Encik Jamalludin Haji Sulaiman

Ketua Pustakawan UiTM

IQRA' ialah wadah penghubung antara Perpustakaan UiTM dan pembaca. Berita-berita yang diterbitkan mencerminkan kesungguhan perpustakaan melaksanakan amanah mengemudi perpustakaan demi melihat kejayaan anak bangsa pada masa hadapan. Tidak lengkap rasanya jika himpunan berita ini tidak diterbitkan demi rujukan generasi akan datang.

IQRA' telah diterbitkan secara digital dalam format buku elektronik sejak tahun 2016. Ini bermakna telah enam tahun IQRA' menyimpan berita tentang Perpustakaan UiTM secara atas talian . Kini IQRA' telah diterbitkan dalam format portal berita digital dan menjadikan akses pembaca kini lebih pantas.

Suatu hari nanti, IQRA' akan mempunyai nilainya yang tersendiri terutama di kalangan penyelidik yang ingin merujuk tentang Perpustakaan UiTM. IQRA' dan penulisan perlu bergerak seiring. Penulisan ialah salah satu aktiviti pembudayaan ilmu. Penulisan bermula hasil cetusan daripada pembacaan menerusi pelbagai medium maklumat, samada ber cetak mahupun elektronik. Melalui penulisan, ilmu pengetahuan individu akan berkembang dan mendorong kepada penciptaan maklumat baharu. Memetik kata-kata penulis tersohor Indonesia, Pramoedya Ananta Toer, "Orang boleh pandai setinggi langit, tapi selama ia tidak menulis, ia akan hilang dalam masyarakat dan dari sejarah. Menulis adalah bekerja untuk keabadian".

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi IQRA' serta para penulis yang telah menyumbang kepada penerbitan IQRA' kali ini. Semoga jasa baik tuan/puan akan dibalas dengan sebaik-baik balasan jua.

Wassalam.

Encik Jamalludin bin Haji Sulaiman,
Ketua Pustakawan UiTM.

Sidang Redaksi

PENASIHAT

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

EDITOR

En. Norhazlan bin Nordin

PENYELARAS

Pn. Asmah binti Sabtu

REKA BENTUK GRAFIK

Cik Wan Noor Sazidah Wan Fauzi

Shah Alam	: Asmah Sabtu, Nurul Fariyah Sarmin Panut, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Nur Azian Azis
Melaka	: Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Khairil Izwan Hasan
Sabah	: Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
Kedah	: Mohd Amiruddin Mohd Nasir
Pulau Pinang	: Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
Kelantan	: Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
Perak	: Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
Pahang	: Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
Johor	: Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
Selangor	: Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

**LIVE@PTAR: PROGRAM SAMBUTAN BULAN
KEMERDEKAAN SEGMENT BICARA KHAS;
SUMPAH SANG SAKA BIRU MERDEKA**

16 OGOS 2022

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

BULETIN

IQRA


**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM**



Sempena menyambut bulan kemerdekaan tanggal 31 Ogos 2022, program Live@PTAR telah mengundang Yang Dihormati (YDH) Timbalan Pesuruhjaya Polis (TPP) Dato' Hj. Ghazali bin Hj. Daud untuk bersiaran secara langsung bagi membicarakan tentang topik kemerdekaan. Program ini telah diadakan pada 16 Ogos 2022 hari Selasa.

YDH TPP Dato' Hj. Ghazali bin Hj. Daud lahir pada 4 Jun 1964 di Kuala Terengganu dan memulakan kerjaya di Shah Alam pada Februari 1988 sebagai Pegawai Penyiasat Jenayah berpangkat Inspektor. Telah berkhidmat di dalam pasukan polis selama 34 tahun. Kini, YDH DCP Dato' Hj. Ghazali berkhidmat di Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) (Agama dan Kaunseling). Sepanjang perkongsian pengalaman selama 90 minit daripada perspektif pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), YDH TPP Dato' Hj. Ghazali telah mengupas topik kemerdekaan dengan lancar dan berkesan. Puan Siti Salwa binti Abdul Rahman, Pustakawan Kanan, PTAR telah bertindak selaku moderator program ini telah melontarkan soalan yang mengupas makna kemerdekaan buat masyarakat Malaysia hari ini. Mengimbas kembali detik-detik getir sepanjang perkhidmatan di PDRM, YDH TPP Dato' Hj. Ghazali tidak mungkin melupakan pengalaman beliau menangani kes berprofil tinggi seperti kes Akta Keselamatan Dalam Negeri, lazimnya dikenali sebagai ISA (Internal Security Act), kes pemalsuan dokumen dikalangan pendatang asing, kes gerakan Al-Arqam yang diketuai oleh Ashaari Muhammad, kes pembunuhan ADUN Batu Talam atau lebih dikenali sebagai kes Mona Fandey bersama pembantunya Juraimi Husin, kes penjenayah Kalimuthu (Bentong Kali) dan pelbagai kes lagi. Ini menunjukkan keazaman seorang anggota polis mempertahankan keamanan dan mengutamakan kesejahteraan masyarakat daripada ancaman yang boleh menggugat hidup masyarakat berbilang bangsa di Malaysia.

YDH TPP Dato' Hj. Ghazali menambah bahawa setiap tugas mempunyai cabaran tersendiri termasuklah tugas menjaga keamanan negara. Menyorot kembali pengalaman beliau bertugas selama lebih tiga dekad itu, YDH TPP Dato' Hj. Ghazali berpengalaman melalui dua zaman berbeza iaitu ketika penghujung era komunis dan masa kini. Sewaktu era komunis, PDRM bertanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan tanah air daripada ancaman komunis sehingga ramai anggota keselamatan negara terbunu. Cabaran masa kini pula ialah menangani penjenayah moden seperti judi dalam talian sehingga wujud jabatan-jabatan baharu di dalam PDRM seperti Jabatan Narkotik dan Jabatan Kenayah Komersial, Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Jabatan Trafik dan Jabatan Integriti dan Pemetaan Standard. Mengulas lebih lanjut berkenaan kompleksiti masyarakat berdasarkan gender, beliau berpendapat apabila kemajuan pesat, beban kompleksiti berlaku dalam masyarakat malah di mana-mana juga sehingga mengakibatkan berlakunya perkara yang tidak diduga. Justeru, institusi kekeluargaan perlu diperkasakan agar anak-anak tidak terjerumus dalam pengaruh negatif.



YDH TPP Dato' Hj. Ghazali sentiasa mengingatkan betapa seluruh rakyat Malaysia harus bersyukur atas nikmat keamanan yang dikehendaki. Perbandingan kehidupan masyarakat hari ini dengan detik ketika negara belum mengecapi kemerdekaan amatlah berbeza dan digambarkan sebagai amat sukar apabila majoriti penduduk dahulunya bekerja sebagai petani dan penoreh getah namun berjaya melahirkan generasi yang berjaya meneruskan kelangsungan hidup. Tambahan pula, generasi yang bijak dan berjaya bukan semata-mata bersandarkan kelulusan akademik jika tidak dilengkapi dengan ilmu kerohanian. Natijahnya, kecemerlangan yang dikehendaki tidak bererti malah membawa kehancuran sehingga dunia semakin rosak, kepanasan global berlaku dan tidak berakhhlak akibat kurangnya ilmu kerohanian. Mengambil iktibar daripada itu, generasi hari ini perlu mengambil semangat ibu bapa dahulu dalam hal ehwal mengurus dan mendidik anak-anak agar membentuk suatu generasi yang bertamadun. Beliau berpendapat kerosakan dan musibah boleh dihindari apabila setiap umat Islam tetap tekun mendirikan solat.

Tentang persediaan generasi hari ini bagi menghadapi ancaman, YDH TPP Dato' Hj. Ghazali menyatakan bahawa masyarakat harus berpegang teguh dengan ajaran agama dan menjadikan masjid dan surau sebagai pusat tumpuan masyarakat. Beliau menceritakan kisah bagaimana nabi Musa menolak untuk berjumpa seorang wanita yang telah melakukan dosa besar, namun tetap Allah ampunkan dosa wanita itu. Ini menunjukkan sifat Maha Pengampun Allah Ta'ala. Menjawab persoalan samada masyarakat prihatin dan masyarakat terlampau prihatin, YDH TPP Dato' Hj. Ghazali merujuk kepada trend masa kini apabila penyebaran maklumat terus dibuat tanpa disemak kesahihan sumber maklumat. Merujuk kepada firman Allah Ta'ala yang bermaksud "Wahai orang beriman, jika datang kepada kamu orang fasik yang membawa berita, hendaklah kamu siasat terlebih dahulu". Oleh itu, beliau menyarankan agar setiap maklumat yang diterima perlu di selidik kesahihannya agar tidak menimbulkan kekacauan dalam masyarakat. Beliau turut memetik hadis nabi yang bermaksud orang yang bijak ialah orang yang bertindak mengikut prinsip ajaran agama dan golongan ini akan mendapat balasan baik di akhirat kelak.

YDH TPP Dato' Hj. Ghazali turut menyarankan agar setiap rakyat Malaysia mematuhi perlumbagaan negara dan undang-undang yang telah dibina demi mewujudkan masyarakat yang harmoni. Bagi penghayatan sempena sambutan 65 tahun kemerdekaan, setiap masyarakat perlu menghayati semangat patriotisme dan nasionalisme agar negara Malaysia terpelihara dan aman. Di akhir perbincangan, YDH TPP Dato' Hj. Ghazali yang minat membaca buku genre agama menyimpulkan bahawa kunci ilmu pengetahuan ialah lqra' atau membaca. Beliau mengesyorkan agar penonton menjadikan amalan membaca buku bersama keluarga suatu amalan harian demi memupuk minda masyarakat agar kekal aktif. Program ini telah ditonton sebanyak 1,335 tontonan di saluran YouTube Perpustakaan UiTM dan saluran Facebook Perpustakaan UiTM.

**PROGRAM PERARAKAN DAN KONVOI
SEMARAKMERDEKA PTAR 2022
30 OGOS 2022**

Disediakan oleh: Nor Hafizah Md Hanafiah

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PER. SAINS & TEKNOLOGI SHAH ALAM



Program Perarakan dan Konvoi Semarak Merdeka PTAR 2022 telah dijalankan pada 30 Ogos 2022 jam 8.30 hingga 9.30 pagi bertempat di Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, UiTM Shah Alam. Program ini adalah anjuran bersama PTAR Kejuruteraan dan PTAR Sains & Teknologi.

Program ini merupakan julung-julung kali diadakan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan ianya merupakan salah satu inisiatif dalam menyemarakkan kemerdekaan di kalangan warga UiTM.

Antara objektif program adalah bagi memperingati perjalanan era sejarah kemerdekaan, memupuk semangat patriotisme dan menyahut seruan Bulan Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan dan UiTM.

Program ini dianggarkan telah dihadiri seramai 150 orang iaitu melibatkan staf PTAR, staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar UiTM. Sesi program ini dimulai dengan Kata Aluan Pengerusi Program diikuti pelancaran oleh wakil Ketua Pustakawan iaitu En. Ahmad Amiri Mohamad. Perarakan dan konvoi bermula sejurus sesi penggambaran berakhir. Sesi laungan kemerdekaan bersama-sama peserta turut diadakan sebelum majlis tamat.

Adalah diharapkan program ini dapat dijalankan lagi di masa akan datang dengan kerjasama pihak PTAR dan Fakulti.



MURAL, MAKEOVER, MERDEKA!

9 OGOS 2022

Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KAMPUS JENGKA, PAHANG



Program jalinan kerjasama Perpustakaan Al-Bukhari dengan Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Jengka Pusat 2 merupakan satu inisiatif yang dijalankan bersempena sambutan bulan kemerdekaan yang ke-65 pada tahun ini. Program yang seiring Sustainable Development Goals (SDG) 17: Partnership for the Goals & SDG 4: Quality Education ini telah berlangsung pada 9 Ogos 2022 melibatkan semua staf Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang serta dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Pahang.

Program ini bertujuan mengeratkan hubungan dua hala antara pihak sekolah dan perpustakaan Al-Bukhari selain memupuk semangat kerja berpasukan bersesuaian dengan tema Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2022 iaitu Teguh Bersama. Selain itu, program 3M (Mural, Makeover, Merdeka) ini dijalankan bagi membantu penambahbaikan Pusat Sumber Sekolah dengan memberi nafas baru dari sudut susun atur perabot, koleksi bacaan serta dekorasi dalaman dan luaran Pusat Sumber tersebut.

Kedua-dua pihak turut menandatangani jalinan kerjasama Perpustakaan Al-Bukhari 2, SK Jengka Pusat 2, dengan Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka. Jalinan ini bertujuan merapatkan lagi hubungan dua pihak melalui aktiviti dan program yang bakal dijalankan akan datang serta membantu dalam membangunkan potensi kecemerlangan pelajar.



**LAWATAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)
10 OGOS 2022**

Disediakan oleh: Muhamad Azim bin A'nsori

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS SERI ISKANDAR, PERAK



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak menerima lawatan daripada 4 orang wakil Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) pada 10 Ogos 2022 (Rabu) jam 10.00 pagi. Lawatan bagi tujuan untuk mewujudkan perpustakaan penyelidikan di MAIPk. Perbincangan dijalankan untuk mendapatkan konsep perpustakaan dan maklumat pengurusan. PTAR UiTM Kampus Seri Iskandar menjadi pilihan MAIPk untuk dijadikan sebagai penanda aras bagi mewujudkan perpustakaan di MAIPk sendiri.

Lawatan yang dikendalikan oleh Puan Nur Aqilah, Pustakawan Kanan dan Puan Nur Dayana, Pustakawan ini dihadiri oleh wakil dari Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) seperti berikut:

- 1) Encik Muhammad Naquib bin Mohamad Tarmizi, Pengurus – Unit Perhubungan Korporat
- 2) Encik Mohd Sharizal bin Mat Sah, Penolong Pengurus – Unit Pengurusan Projek (Ketua Unit)
- 3) Encik Samsulrizal bin Yahya, Penolong Pengurus – Unit Pengurusan Projek
- 4) Encik Hamizul bin Othman, Pembantu Tadbir – Unit Perhubungan Korporat



BENGKEL BASIC Ai DESIGN (STAFFS EDITION) 5 OGOS 2022

Disediakan oleh: Muhammad Syafiq Amirullah

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS REMBAU, NEGERI SEMBILAN



Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

BASIC Ai DESIGN

5 Ogos 2022 | 10.00 Pagi - 12.00 Tengahari

Makmal Komputer 1

Perpustakaan Tun Abdul Razak
CNS Kampus Rembau

Terbuka Kepada Semua Staf UiTM CNS Kampus Rembau



"LibraryForAll"

<http://nsembilan.library.ultra.edu.my>



Al hazriq Zainal Abidin
Pembantu Pustakawan

Pada Jumaat, 5 Ogos 2022 telah berlangsung program berbentuk latihan kemahiran secara bersempua iaitu Bengkel Basic Ai Design (Staff Edition). Bengkel anjuran PTAR Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau itu telah diadakan di Makmal Komputer 1, PTAR Kampus Rembau dan dikendalikan oleh Encik Al Hazriq Zainal Abidin, Pembantu Pustakawan PTAR Kampus Rembau.

Bengkel tersebut diadakan bertujuan untuk memberi sedikit pendedahan dan pengetahuan asas mengenai perisian Adobe® Illustrator® untuk kerja-kerja pengubahan imej serta yang secara tidak langsung memantapkan lagi software skills di kalangan kakitangan UiTM.

Menerusi bengkel yang berlangsung selama dua (2) jam itu, peserta diberi pendedahan tentang cara membuat proses pembuangan imej latar, penggunaan alat teks, penggunaan alat kesan khas dan fungsi asas Adobe® Illustrator® yang bersesuaian. Peserta juga diberi tugasan untuk membuat poster bertemakan kemerdekaan untuk unit atau jabatan masing-masing. Tiga pemenang poster terbaik telah dipilih dan diberikan saguhati pada penghujung program. Pihak penganjur telah menerima respon yang amat baik daripada peserta dan kini giat merancang untuk program ini diadakan sekali lagi pada masa akan datang.



PROGRAM CHAIROBIC DAN PERBINCANGAN PROJEK WADI

18 OGOS 2022

Disediakan oleh: Nur Atikah Mauzan

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



18 Ogos 2022 – Khamis, PTAR UiTM Cawangan Melaka bersama El-Wazif UiTM Cawangan Melaka telah menghadiri Program Chairobic Merdeka dan Perbincangan Projek WADI, anjuran Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), UTC Melaka. Program ini dijalankan di Aras 1, ruangan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, UTC Melaka. Program kerjasama ini dijalankan bagi bertujuan mengeratkan hubungan kerjasama yang baik antara Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bersama PTAR UiTM Cawangan Melaka dan El-Wazif.

Program dimulakan dengan aktiviti Chairobic yang diketuai oleh, Pegawai Unit Fisioterapi, Klinik Kesihatan Peringgit, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Melaka Tengah. Aktiviti Chairobic memberi kebaikan dari segi aspek fizikal dan psikologi serta meningkatkan kecerdasan kardiovaskular (jantung) para peserta serta mewujudkan hubungan mesra antara kakitangan PTAR, El-Wazif bersama Warga Emas dari PAWE. Seterusnya, sesi perbincangan program khidmat masyarakat telah dijalankan. Agenda utama perbincangan adalah membincangkan perjalanan

Program Khidmat Masyarakat: Menanam Pokok Wakaf Dusun Ilmu (WADI) yang akan dijalankan pada 13 September 2022. PTAR UiTM Cawangan Melaka berharap dengan adanya program seperti ini, dapat mengeratkan hubungan kerjasama yang baik antara semua pihak yang terlibat serta merancakkan aktiviti kemasyarakatan di dalam komuniti.



TEAMBUILDING : IGNITING TEAM SPIRIT 3.0

4 OGOS 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



Program Teambuilding : Igniting Team Spirit 3.0 telah diadakan setelah sekian lama terhenti seketika semasa PKP akibat Covid- 19 dan melibatkan penglibatan staf pentadbiran dari semua unit/bahagian UiTM Kampus Bandaraya termasuk staf PTAR KBM.

Program ini diadakan bagi menerapkan pembentukan instrumen dikalangan staf bagi membolehkan UiTM mewujudkan Indeks Penghayatan Nilai UiTM dalam proses menjalankan kajian penghayatan nilai UiTM ESI-IDART, Excellence (E), Synergy (S) & Integrity (I) serta lima (5) nilai berkaitan iaitu Ilmu (I), Disiplin (D), Amanah (A), Rajin (R) dan Tanggungjawab (T).

Seramai 104 orang staf pentadbiran telah menyertai program ini. Program telah dirasmikan oleh En. Ahmad Khairuman Md. Hasim, pemangku Rektor UiTM Cawangan Melaka.

Disamping itu, En. Ahmad Khairuman juga telah menyempurnakan upacara pelancaran bulan Kemerdekaan dengan simbolik penyerahan Jalur Gemilang kepada Dr. Mohd Halim Mahphoth, Penolong Rektor Kampus Bandaraya Melaka.

Program ini diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan nyanyian lagu Jalur Gemilang bersempena dengan bulan kemerdekaan.



**LAWATAN DARI UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH,
YOGYAKARTA, INDONESIA
15 OGOS 2022**

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

BULETIN

IQRA

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA**



15 Ogos 2022 – PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya menerima kunjungan Asst. Prof. Dr. Dimas Bagus Wiranatakusuma dari Secretary of International Program for Islamic Economic and Finance (IPIEF) Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia.

Lawatan diiringi oleh Dr. Nur Hayati Abdul Rahman , Timbalan Rektor PJI UiTM Cawangan Melaka.

Lawatan ini bertujuan untuk melihat fasiliti yang disediakan serta memperolehi maklumat berkenaan perkhidmatan 'Digital Library' yang ditawarkan oleh PTAR. Sesi penerangan secara ringkas kepada beliau telah disampaikan oleh En. Mohd Hilmi Mat Rosli Pustakawan PTAR KBM.

**MAJLIS PERTUKARAN ADAT BUDAYA
NEGERI MELAKA DAN DELEGASI RIAU.
20 OGOS 2022**

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



Melaka bukan sekadar destinasi pilihan pelancong asing, sebaliknya menjadi pusat pertukaran adat dan budaya antarabangsa. Terbaru seramai 109 murid dan pelajar berusia tujuh hingga 20 tahun dari Provinsi Riau, Indonesia dibawa ke negeri ini bagi memeriahkan lagi penganjuran Majlis Pertukaran Adat Budaya Negeri Melaka dan Delegasi Riau.

YBhg. Rektor, Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Mohd Zaini telah menghadiri dan merasmikan Program Pertukaran Adat antara Persatuan Sidang (Ketua Kampung) Parlimen Hang Tuah Jaya, Melaka dengan DMDI Provinsi Riau bertempat di UiTM Melaka Kampus Bandaraya Melaka. Program ini turut dihadiri oleh YBrs. En Talib Bin Baba Pengurus Persatuan Sidang (Ketua Kampung Parlimen Hang Tuah Jaya, Melaka), YBhg. Datuk Ir Aziz Bin Manap (Ketua Dunia Melayu Dunia Islam Provinsi Riau), YBhg. Mohd Noor Helmy Bin Abdul Halim (Ahli Dewan Undangan Negeri, Duyong), YBhg. Tan Sri Prof. Datuk Wira Dr Abdul Latif Bin Abu Bakar, YBhg. Prof. Datuk Wira Dr Haji Mohd Jamil Bin Mokmin (Naib Pengurus DMDI Melaka) dan YBrs. Dr Mohd Halim Bin Mahphoth (Penolong Rektor UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka).

Program ini dianjurkan oleh Persatuan Sidang (Ketua Kampung) Parlimen Hang Tuah Jaya Melaka, dengan kerjasama Unit Kebudayaan dan Kesenian, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Kelab Warisan Budaya dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka. Pengurus Perhubungan Program Pertukaran Adat Budaya, Talib Baba berkata, Melaka dipilih sebagai lokasi penganjuran kerana negeri ini kaya dengan adat budaya dan warisan. Beliau yang juga Pengurus Persatuan Sidang Melaka merangkap Sidang Parlimen Hang Tuah Jaya berkata, program dilaksanakan selama tiga hari berakhir dengan penganjuran Malam Gala di Auditorium UiTM Kampus Bandaraya Melaka

"Program pertukaran budaya bersama negara jiran akan dianjurkan jika ada permintaan, secara tidak langsung acara seperti ini mampu menarik minat orang muda untuk bersama-sama belajar mengenai adat, seni dan budaya," Sementara itu Ketua Dunia Melayu Dunia Islam Wilayah Riau, YBhg Datuk Ajis Manan berkata program itu bertujuan melestarikan budaya dan adat warisan yang semakin dilupakan.

"Objektif program adalah kita mahu lestarikan budaya, mendedahkannya kepada mereka (generasi muda) mengenai budaya rumpun 2 negara antara Indonesia dan Malaysia, pada masa hadapan agar kita boleh melestarikan budaya yang semakin ditelan zaman."

PAMERAN MAYA@UiTMCPP :
DARI MATA TURUN KE HATI - MALAYSIA
1 OGOS 2022

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PERMATANG PAUH, PULAU PINANG



Bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-65 tahun serta Hari Malaysia pada tahun ini, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh telah menyediakan pameran maya dan fizikal yang bertajuk Dari Mata Turun Ke Hati – MALAYSIA.

Melalui pameran ini beberapa fakta menarik mengenai Malaysia dari pelbagai kategori telah dikumpulkan antaranya adat dan budaya, sejarah Malaysia, tokoh, geografi serta bangunan bersejarah.

Pameran maya ini boleh diakses melalui pautan <https://penang.library.uitm.edu.my/pages/collections/exhibitions/346-dari-mata-turun-ke-hati-malaysia> atau boleh dilihat secara fizikal di Aras 1, PTAR UiTM CPP Kampus Permatang Pauh.





PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) sentiasa komited dalam memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan perpustakaan supaya ianya memenuhi keperluan pengguna. Justeru itu, telah berlangsung Kursus Perkhidmatan Portal MyKM kepada semua staf PTAR UiTMCPP pada 3 Ogos 2022. Kursus yang dijalankan di Pusat IT PTAR UiTMCPP ini, telah dikendalikan oleh Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan Unit Perpustakaan Digital.

Antara objektif pelaksanaan kursus ini adalah:

- Meningkatkan kefahaman dan kemahiran staf PTAR mengenai perkhidmatan yang disediakan melalui portal MyKM.
- Membantu staf PTAR melayani/menjawab persoalan pengguna yang menghadapi masalah atau pertanyaan mengenai perkhidmatan portal MyKM.
- Mempromosi portal MyKM sebagai rujukan utama pencarian maklumat secara 'personalization'.

Kursus ini telah dilaksanakan secara 'hands on' bagi memastikan semua staf dapat mengakses serta menggunakan sepenuhnya perkhidmatan yang disediakan melalui portal MyKM ini.

Adalah diharapkan, semua staf PTAR UiTMCPP dapat meningkatkan pengetahuan masing-masing mengenai perkhidmatan yang diberikan seterusnya dapat menyampaikan maklumat dengan lebih efisien apabila berurusan dengan pengguna.

**KURSUS ASAS PENGURUSAN FAIL DAN REKOD KEPADA
PEGAWAI REKOD JABATAN (PRJ) DAN PEMBANTU
TADBIR REKOD JABATAN (PTRJ)**
2-3 OGOS 2022

Disediakan oleh: Sazlina Saleh

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS MACHANG, KELANTAN



Rekod adalah penting dalam urusan pentadbiran kerajaan termasuk pentadbiran sesebuah universiti. Ia menyediakan maklumat bagi perancangan, membuat keputusan dan juga merupakan asas kepada akauntabiliti kerajaan. Pengurusan rekod yang cekap dan efisien dapat membantu organisasi membuat keputusan yang tepat, meningkatkan produktiviti dan imej organisasi.

Oleh itu, Perpustakaan Tengku Anis (PTA) dengan kerjasama Unit Latihan, Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Kelantan telah mengadakan Kursus Asas Pengurusan Fail Dan Rekod Kepada Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) yang berlangsung selama 2 hari bermula pada 2 hingga 3 Ogos 2022 (Isnin dan Selasa).

Kursus ini dijalankan secara bersemuka yang bertempat di HRD(A) UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang bermula pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang yang melibatkan semua Pengawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan daripada semua bahagian.

Kursus ini dikendalikan oleh penceramah jemputan daripada Jabatan Arkib Universiti (JAU) PTAR UiTM Shah Alam iaitu Puan Azniza Mohamad Nor, Pegawai Arkib dan dibantu oleh Wan Nur Khalidah Wahed, Penolong Pegawai Arkib. Beliau memberikan taklimat dan berkongsi pengetahuan serta cara yang betul dalam menguruskan fail dan rekod jabatan.

Kursus ini mendapat maklum balas yang positif daripada semua peserta yang hadir dan mereka berharap agar kursus seperti ini dianjurkan lagi pada masa hadapan. Pihak PTA dan Pentadbiran UiTMCK berharap agar kursus ini dapat membantu peserta mengaplikasikan ilmu yang dikongsi oleh penceramah dalam menguruskan fail dan rekod jabatan masing-masing.

Kursus diakhiri dengan ucapan penutup daripada Encik Hishamudin Mohamad Twontawi, Timbalan Pendaftar UiTM Cawangan Kelantan dan majlis penyampaian cenderahati kepada para penceramah jemputan.

CERAMAH: MERDEKA DUNIA, MERDEKA AKHIRAT

8 OGOS 2022

Disediakan oleh: Sazlina Saleh

**BULETIN
IGRA**

*PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS MACHANG, KELANTAN*



Bersempena dengan bulan Kemerdekaan yang ke-65 kali ini, Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang telah menganjurkan satu ceramah yang bertajuk Merdeka Dunia, Merdeka Akhirat pada 8 Ogos 2022 (Khamis). Ceramah ini berlangsung selama 1 jam bermula pada jam 9:00 pagi hingga 10:00 pagi melalui platform atas talian Cisco Webex.

Ceramah telah disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka iaitu Ustaz Mutalib Jamil, Penolong Pendaftar Kanan. Ceramah ini disertai seramai 222 warga UiTM daripada seluruh cawangan.

Antara intipati yang dapat dikupaskan daripada ceramah tersebut ialah merdeka daripada cinta dunia & akhirat, merdeka menikmati kehidupan yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia, merdeka daripada penjajahan ideologi serta merdeka daripada pengaruh sikap & akhlak yang buruk. Ceramah ini mendapatkan maklum balas dan komen yang positif daripada semua yang hadir sekaligus dapat menyokong kepada SDG 17 iaitu "Partnerships goals". Pihak PTA mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir, sudi meluangkan masa dan sentiasa menyokong program-program yang dianjurkan oleh PTA.

**PROGRAM JALINAN KASIH KEMERDEKAAN -
CINTAI KELUANG KITA
20 OGOS 2022**

Disediakan oleh: Sazlina Saleh

BULETIN

IQRA

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS MACHANG, KELANTAN**



Perpustakaan Tengku Anis (PTA) telah mengadakan Program Jalinan Kasih Kemerdekaan – Cintai Keluang Kita pada 20 Ogos 2022 (Sabtu) mulai jam 7:30 pagi hingga 2:00 petang dan telah memilih Pantai Bukit Keluang, Terengganu sebagai lokasi utama.

Program ini diadakan untuk mewujudkan kesedaran dalaman dan memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan staf PTA. Selain itu juga untuk mengeratkan ikatan ukhuwah diantara staf PTA bersama keluarga masing-masing selari dengan slogan bulan kemerdekaan tahun ini iaitu Keluarga Malaysia Teguh Bersama. Antara aktiviti yang dilakukan adalah mendaki Bukit Keluang, BBQ, aktiviti cabutan bertuah serta aktiviti bebas yang lain.

Diharapkan agar program ini memberikan manfaat yang besar kepada semua staf dalam usaha untuk melahirkan semangat perpaduan dalam melaksanakan tugas harian. Di samping itu, program sebegini amat bermakna dan dapat dijadikan pengalaman untuk staf pada masa hadapan. Melalui program ini juga, kebolehan dan keterampilan staf sokongan juga dapat diserahkan melalui penglibatan mereka dalam mengendalikan sesuatu program. Semoga program ini dapat menghimpunkan kesepadan, keakraban dan kemesraan di kalangan staf perpustakaan.



**PROGRAM SEMARAK MERDEKA :
JALUR GEMILANG KITA PUNYA
15 OGOS 2022**

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



Sempena bulan kemerdekaan Malaysia, Perpustakaan Cendekian dan Unit Komunikasi Korporat UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah menganjurkan Program Semarak Merdeka: Jalur Gemilang Kita Punya pada 15 Ogos 2022, Isnin yang lalu. Bertempat di Dataran Aspirasi UiTMCT, program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Mazidah Puteh, Rektor UiTMCT, dan telah disertai oleh lebih 150 orang staf UiTMCT dari ketiga-tiga kampus; Dungun, Kuala Terengganu, dan Bukit Besi. Program ini juga telah mendapat sokongan penuh Pengurusan Tertinggi UiTMCT yang turut hadir dalam menjayakan aktiviti yang dilaksanakan.

Pelbagai aktiviti menarik yang diadakan ialah Senamrobik #KeluargaUiTMCTSihat, nyanyian lagu Jalur Gemilang sambil mengibarkan bendera Malaysia, dan aktiviti gotong-royong mengecat bendera Malaysia sepanjang 10 meter. Program ini diserikan lagi dengan gimik perasmian menaikkan Jalur Gemilang gergasi yang berukuran 46 kaki panjang dan 13 kaki lebar di Bangunan Integriti UiTMCT, dan acara cabutan bertuah oleh penaja yang terlibat. Di samping dapat menyemarakkan semangat kemerdekaan di kalangan warga UiTM Cawangan Terengganu, program seperti ini juga dapat mengeratkan silaturahim di kalangan peserta. Rata-rata peserta menyatakan rasa puas hati dan gembira dapat menyertai program ini dan berharap ianya dapat diadakan lagi pada masa akan datang.

Team pengajar bersama Jalur Gemilang gergasi dan bendera Jalur Gemilang yang dihasilkan oleh warga UiTMCT secara bergotong-royong. Tahniah kepada semua yang terlibat. Sememangnya mengibarkan Jalur Gemilang merupakan suatu inisiatif rakyat Malaysia menzahirkan rasa cinta kepada negara. Bendera Malaysia yang berkibar megah bukanlah hanya selembar kain yang beralun ditiup angin, tetapi ia melambangkan keamanan dan perpaduan yang menjadi titik persamaan kita sebagai rakyat Malaysia.

MERDEKA!! MERDEKA!! MERDEKA!!

**WEBINAR CSR: ILMU MENGUBAH DESTINI BERSAMA
PENGAWAS PUSAT SUMBER SEKOLAH SEKITAR
NEGERI TERENGGANU**
24 OGOS 2022

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



e-SIJIL DISEDIAKAN

"LibraryForAll"

**WEBINAR CSR:
ILMU MENGUBAH DESTINI**
**UiTM BERSAMA PENGAWAS PUSAT SUMBER
SEKOLAH MENENGAH SEKITAR NEGERI TERENGGANU**

TARIKH: 24 OGOS 2022, RABU

MASA: 9.00 PAGI – 1.00 TENGAHARI



IMBAS



Webex Meeting:
<https://tinyurl.com/csrimduitm>



Facebook:

Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu
<https://www.facebook.com/library.uitm.terengganu>



PENCERAMAH:

Dr. Mohamad Rahimi Mohamad Rosman
Pn. Noor Rahmawati Alias
Pn. Noor Maslina Razlan
Pn. Amira Idayu Mohd Shukry
Pn. Nik Nur Izati Nik Rosli
(Fakulti Pengurusan Maklumat UiTMCK)



MODERATOR:

Cik Asmahani Abdullah
(Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT)



Anjuran Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu

Dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan, & Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK), dan Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), telah menganjurkan Webinar CSR: Ilmu Mengubah Destini bersama Pengawas Pusat Sumber Sekolah Sekitar Negeri Terengganu, pada 24 Ogos 2022, Rabu, yang lalu.

Webinar yang dilaksanakan secara atas talian melalui platform Webex Meeting ini telah dirasmikan oleh En. Jamalludin Hj Sulaiman, Ketua Pustakawan, Perpustakaan UiTM. Terbahagi kepada tiga sesi, webinar ini telah dikendalikan oleh Cik Asmahani binti Abdullah, Pustakawan Kanan, sebagai moderator program. Pembentangan yang disampaikan oleh para penceramah jemputan dari Fakulti Pengurusan Maklumat UiTMCK melalui pengisian yang dirasakan sesuai dengan kumpulan sasar yang hadir ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Sokongan penuh dari Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, dalam menjayakan webinar ini juga dapat dilihat dengan penyertaan daripada lebih 500 orang peserta dari sekolah-sekolah sekitar negeri Terengganu.

Program webinar ini merupakan inisiatif perkongsian kepakaran yang merupakan sinergi Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT bersama Fakulti Pengurusan maklumat UiTMCK dan Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, JPNT, bagi memantapkan kemahiran dan pengetahuan Pengawas Pusat Sumber Sekolah yang terlibat. Pendedahan kerjaya dalam bidang berkaitan juga diharapkan dapat memupuk minat individu peserta sebagai Pengawas Pusat Sumber dalam berperanan sebagai pemangkin pembudayaan ilmu di sekolah. Semoga perkongsian ilmu ini dapat dimanfaatkan oleh semua peserta.

PROMOSI@PTAR



Perpustakaan
Tun Abdul Razak

IQRA'



Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Unleashing Potentials
Shaping the Future



EMERALD INSIGHT

<http://ezaccess.library.uitm.edu.my/login>

Access Via
UiTM EzAccess



Like and follow us
 [perpustakaanuitm](#)
[uitmlibrary](#)



SCAN ME

UiTM Online Database 2022



UiTM ONLINE DATABASE 2022: Emerald Insight



Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Unleashing Potentials
Shaping the Future

TEMPAHAN LIBRARY SMART CLASSROOM

Terbuka kepada semua warga UiTM pelajar dan staf

Tujuan:

- Mesyuarat
- Perbincangan
- Pembentangan
- Serta yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

Tempoh penggunaan **selama 2 jam**
Kapasiti maksima seramai 15 orang.

Beroperasi **Isnin hingga Jumaat**
dari **Jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.**

Tempahan boleh dibuat melalui UiTM Booking System di <https://bsu.uitm.edu.my/>



libraryuitm



libraryuitm



uitmlibrary



library.uitm.edu.my



TEMPAHAN KEMUDAHAN BILIK LIBRARY SMART CLASSROOM



Perpustakaan
Tun Abdul Razak



UiTM *di hatiku*

PTAR
"LIBRARY for ALL"



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.

